

## BAB 5

### CADANGAN DAN RUMUSAN

#### 5.1. PENDAHULUAN

Bab ini akan merumuskan dapatan kajian yang telah dibentangkan dalam bab empat. Penulisan bab ini dibahagikan kepada ringkasan umum kajian, perbincangan dapatan kajian, implikasi dapatan serta saranan dan rumusan secara keseluruhan.

#### 5.2. RINGKASAN KAJIAN

Kajian ini merupakan satu kajian tinjauan yang ingin melihat beberapa perkara berdasarkan objektif kajian iaitu:

- a) Mengenal pasti tahap pelaksanaan ibadat solat fardu di kalangan pasangan yang mempunyai konflik rumah tangga.
- b) Mengenal pasti kategori konflik rumah tangga berdasarkan aduan responden.
- c) Mengenal pasti elemen kelemahan pelaksanaan ibadat solat fardu pasangan yang berkonflik
- d) Mengenal pasti perbezaan tahap pelaksanaan ibadat solat fardu harian responden berdasarkan jantina, tahap sosio ekonomi dan pendidikan
- e) Mengenal pasti hubungan di antara tahap pelaksanaan ibadah solat fardu dengan konflik rumah tangga.

Sampel kajian adalah terdiri daripada 100 orang responden yang menghadiri sesi rundingcara di Unit Rundingcara Keluarga, Bahagian Perkahwinan Dan Pembangunan Keluarga, Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan.

Alat kajian yang digunakan ialah borang soal selidik yang mengandungi 3 bahagian iaitu bahagian A mengandungi maklumat peribadi responden. Bahagian B adalah berkaitan perlaksanaan solat responden yang mengandungi 10 item. Bahagian C pula berkaitan dengan konflik rumah tangga responden yang mengandungi 12 item.

Bagi ujian rintis, penulis telah menghantar 50 salinan soal selidik dengan bantuan Penolong Pengarah Kanan Unit Pembangunan Keluarga, Bahagian Undang-undang Syariah, Jabatan Agama Islam Melaka. Daripada 50 set soalan ini hanya 31 set sahaja yang boleh diguna pakai untuk di analisis.

Data-data ini kemudiannya akan dianalisis dengan menggunakan perisian *Statistical Package for the Social Sciences (SPSS)* versi 17.0. Data dianalisis dengan menggunakan analisis deskriptif dan analisis inferensi. Analisis deskriptif di gunakan untuk melihat kekerapan, peratus, min dan sisihan piawai.

Manakala statistik inferensi adalah untuk memperolehi data ujian t, Anova satu hala dan Pekali Spearman, bagi menguji hipotesis-hipotesis kajian. Ujian t digunakan untuk menguji perbezaan tahap pelaksanaan ibadat solat dan tahap konflik rumah tangga responden berdasarkan jantina, pendidikan dan pendapatan. Paras keyakinan 95 peratus ( $p>0.05$ ) digunakan untuk menentukan aras signifikan statistik bagi mengurangkan ralat persampelan<sup>1</sup>. Anova satu hala digunakan untuk melihat perbezaan tahap pelaksanaan ibadat solat dan konflik rumah tangga responden berdasarkan jantina, pendidikan dan pendapatan. Kolerasi Spearman digunakan untuk menganalisis perhubungan antara pelaksanaan solat dan konflik rumah tangga responden.

### **5.3. PERBINCANGAN**

---

<sup>1</sup> Mohd. Majid Konting, op.cit, h. 123

Perbincangan dapatan kajian ini adalah berdasarkan objektif kajian dan persoalan kajian dalam bab yang terdahulu di samping turut membuat perbandingan dengan dapatan kajian yang lepas.

### **5.3.1.Tahap Pelaksanaan Ibadat Solat Fardu Di Kalangan Pasangan Yang Mempunyai Konflik Rumahtangga.**

Sebanyak 46% responden mengakui bahawa pelaksanaan solat mereka adalah di tahap yang lemah, 35% pada tahap yang baik serta 14% adalah memuaskan. Ini jelas kepada kita bahawa responden yang hadir untuk sesi rundingcara keluarga ini mengakui bahawa pelaksanaan solat fardu mereka adalah pada tahap lemah.

Keputusan ini disokong dengan pandangan dari enam pegawai perunding keluarga seperti di jadual berikut:

Jadual: 5.1. Jawapan Soal Selidik Kepada Pegawai Perunding Keluarga, JAWI

	N	Min	Darjah Kebebasan	Tahap
saya sentiasa mengajukan persoalan berkaitan pelaksanaan solat kepada klien yang hadir	6	4.8333	.40825	Tinggi
80% klien yang hadir mengakui tidak melaksanakan solat sepenuhnya	6	4.6667	.51640	Tinggi
tahap perlaksanaan solat klien yang hadir rundingcara adalah pada tahap LEMAH	6	3.5000	1.37840	Sederhana
terdapat juga dikalangan klien yang hadir mengakui TIDAK PERNAH melaksanakan solat fardu	6	4.3333	1.21106	Tinggi
pengabaian ibadat solat boleh menyumbang kepada permasalahan rumah tangga	6	5.0000	.00000	Tinggi

Sumber: soal selidik

Markah skor berdasarkan nilai min diinterpretasi berdasarkan skala dalam jadual berikut<sup>2</sup>:

<i>Interpretasi Skor Min (Tahap)</i>	<i>Skor Min</i>
Tinggi	3.67 hingga 5.00
Sederhana	2.34 hingga 3.66
Rendah	1 hingga 2.33

Jadual ini menjelaskan bahawa, para pegawai perunding mengakui responden yang menghadiri sesi rundingcara majoritinya tidak melaksanakan ibadat solat fardu sepenuhnya dalam kehidupan harian mereka dengan nilai min 4.66 iaitu pada tahap yang tinggi. Di samping terdapat juga responden mengakui tidak pernah melaksanakan ibadat solat fardu dengan nilai min 4.33. Enam orang pegawai perunding ini juga memberikan jawapan ‘sangat setuju’ bagi persoalan ‘pengabaian ibadah solat boleh menyumbang kepada permasalahan rumah tangga’ iaitu dengan nilai 5.00.

Keputusan ini boleh difahami bahawa majoriti responden yang hadir pada sesi rundingcara tidak melaksanakan ibadat solat fardu sepenuhnya dan dipersetujui juga bahawa ianya boleh menjadi faktor penyumbang kepada konflik rumah tangga mereka.

Jika dilihat kepada dapatan kajian oleh Mohd Suhardi bin Jusoh (2004) mendapati bahawa 96.8% responden mengakui bahawa perbuatan meninggalkan solat fardu mendorong banyak kesan negatif kepada diri mereka. Pengkaji ini membuat kesimpulan bahawa timbulnya pelbagai gejala sosial yang membabitkan remaja dewasa ini adalah sebahagiannya berpunca dari diri mereka yang tidak mendirikan solat fardu. Begitu juga kajian yang dilakukan oleh Nor Azira binti Yusoff (2008) yang mengkaji perkaitan antara pengabaian solat dengan buruk laku individu muslim ke atas 50 orang responden daripada 60 orang keseluruhannya. Hasil analisis kajian ini juga mendapati bahawa terdapat

<sup>2</sup> Azizi Yahaya, et. al (2007), *Menguasai Penyelidikan Dalam Pendidikan*, Kuala Lumpur: PTS Professional Publishing Sdn Bhd, h.29. Lihat juga Masni Khamis (2001), “Gaya Pembelajaran Dan Hubungannya Dengan Pencapaian Akademik”, Projek Penyelidikan, h. 56, Bangi: UKM

perkaitan yang rapat antara pengabaian solat dengan buruk laku individu. Kajian-kajian ini membuktikan bahawa wujud perkaitan dan hubungan antara tahap pelaksanaan solat dan perbuatan negatif individu muslim dalam kehidupan harian mereka dan ini secara tidak langsung termasuklah permasalahan atau konflik dalam rumah tangga.

Penulis berpendapat, asasnya apabila manusia meninggalkan kewajipan utama sebagai hamba Allah, pastinya manusia akan menempuh banyak rintangan. Melalui ibadah solat fardu yang konsisten, ianya boleh membawa kepada kekuatan iman dan akan menjadi banteng pertahanan kepada individu tersebut untuk menangkis dugaan yang mendarat. Iman yang lemah boleh mengakibatkan individu tersebut gagal dalam melaksanakan tanggungjawab sebagai hamba Allah, suami atau isteri dan akan mengakibatkan keruntuhan rumah tangga disebabkan pertambahan konflik yang tidak dapat diselesaikan dengan baik.

Dalam al-Quran telah menerangkan bahawa ibadat solat yang dilakukan semata-mata kerana Allah s.w.t. dapat membersihkan diri seseorang dan mengawal diri dari terjerumus ke lembah kehinaan serta naluri-naluri yang tidak sihat sebagaimana dalam firmanNya:

إِنَّ الصَّلَاةَ تَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ

Terjemahan:

Sesungguhnya solat itu mencegah dari perbuatan yang yang dan mungkar;  
Surah al-'Ankabut: (29): 45

Dengan itu dapatlah difahami bahawa mengerjakan solat menjadi ukuran untuk menilai martabat keimanan seseorang kepada Allah s.w.t. Justeru, seseorang yang mengerjakan solat dianggap beriman kepada Allah s.w.t. Sebaliknya pula, ia

diangap sebagai orang kafir yang ingkar kepadaNya. Hal ini telah dinyatakan dalam hadis<sup>3</sup> iaitu:

**العهد الذي بيننا وبينهم الصلاة، فمن تركها فقد كفر**

Terjemahan:

Janji yang mengikat antara kami dan mereka ialah solat, maka barang siapa yang meninggalkan solat maka bererti dia telah kafir.

Ini membuktikan betapa solat amat penting untuk dilaksanakan oleh seseorang yang bergelar muslim secara konsisten dan sempurna kerana solat adalah titik permulaan ke arah pembentukan individu yang benar-benar komited dengan ajaran Islam.

### **5.3.2. Kategori Konflik Rumahtangga Responden**

Responden mengakui sangat memerlukan khidmat nasihat daripada pihak yang dipercayai iaitu dengan nilai min 4.19. Penulis mendapati antara permasalahan rumah tangga yang mempunyai nilai tahap yang tinggi ialah masalah komunikasi iaitu 3.74 dan masalah tanggungjawab iaitu 3.69. Permasalahan lain seperti masalah nafkah, moral, seksual, psikologi dan campur tangan pihak ketiga berada pada tahap sederhana iaitu antara nilai min 3.01 hingga 3.47. Responden turut mengakui bahawa pengabaian solat boleh menyumbang kepada permasalahan rumah tangga iaitu dengan nilai min 4.32. Pengakuan ini secara umumnya boleh difahami bahawa jika terabainya pelaksanaan solat maka ia boleh membawa kepada lahirnya konflik rumah tangga.

### **5.3.3. Elemen Kelemahan Pelaksanaan Ibadah Solat Fardu Pasangan Yang Berkonflik**

---

<sup>3</sup> Al-Imām al-Mujtahid al-‘Allāmah Muḥammad bin ‘Ali al-Syawkānī (1996), Nayl al-Awṭār, Kitab al-Šolāh, Bāb Ḥujjah Man Kaffara Tark al-Šolāh, no. hadith 402.

Faktor sibuk dengan urusan harian mencatatkan peratusan tertinggi iaitu 38%, diikuti faktor bangun lewat 34% dan faktor sengaja meninggalkan 12%. Jika dilihat pada jawapan soal selidik dari enam orang pegawai perunding berdasarkan pengakuan responden semasa sesi rundingcara, terdapat dua elemen iaitu ‘sengaja meninggalkan’ mencatatkan 83.3% dan elemen ‘sibuk dengan urusan harian’ 16.7% yang mendorong responden tidak melaksanakan solat.

Penulis berpendapat, walau apapun alasan yang diberikan, faktor kurangnya pengetahuan agama boleh menjadi sebab utama kepada timbulnya faktor sebab-sebab meninggalkan solat seperti di atas. Ini kerana dengan kurangnya pengetahuan ilmu agama, menjadikan seseorang itu akan lebih mengutamakan tuntutan kehidupan mereka berbanding tuntutan syariat Allah s.w.t.

Hakikatnya pelaksanaan dalam ibadat, khususnya ibadat solat fardu lima waktu dapat diwujudkan melalui beberapa cara antaranya melalui pendidikan dan latihan. Melalui pendidikan ilmu agama yang mantap, akan melahirkan akhlak yang terpuji dan ini merupakan tanggungjawab dan amanah daripada Allah kepada ibu bapa.

Solat berperanan dalam membentuk peribadi mukmin kerana ia menjadi antara sifat orang-orang yang bertakwa, sebagaimana firman Allah s.w.t.:

الْمَرْدُوْلُ ذَلِكَ الْكِتَابُ لَا رَبَّ فِيهِ هُدَىٰ لِلْمُتَّقِينَ ﴿١﴾ الَّذِينَ يُؤْمِنُونَ بِالْغَيْبِ  
وَيُقِيمُونَ الصَّلَاةَ وَمِمَّا رَزَقَنَاهُمْ يُنفِقُونَ ﴿٢﴾ وَالَّذِينَ يُؤْمِنُونَ بِمَا أُنْزِلَ إِلَيْكَ وَمَا أُنْزِلَ مِنْ  
قَبْلِكَ وَبِمَا لَأَخِرَةٍ هُمْ يُوقِنُونَ ﴿٣﴾ أُولَئِكَ عَلَىٰ هُدَىٰ مِنْ رَبِّهِمْ وَأُولَئِكَ هُمُ الْمُفْلِحُونَ



Terjemahan:

Alif, Laam, Miim. Kitab Al-Quran ini sebenarnya tidak ada sebarang keraguan (sebagai sesuatu yang datangnya daripada Allah s.w.t. dan sempurnanya); kemudiannya ia pula menjadi petunjuk bagi orang yang mahu bertaqwa. Iaitu

golongan yang beriman kepada perkara ghaib, mendirikan (mengerjakan) solat serta menafkahkan (mendermakan) sebahagian daripada rezeki yang Kami berikan kepada mereka. Dan juga orang yang beriman kepada Kitab Al-Quran yang diturunkan kepadamu (wahai Muhammad), dan yang diturunkan sebelumumu, serta mereka yakin akan (adanya) hari akhirat (mengetahui secara pasti). Mereka itulah (yang memenuhi sifat-sifat tersebut) yang beroleh petunjuk daripada Tuhan mereka, dan mereka itulah orang yang berjaya.

Surah al Baqarah (2): 1-5

Ibadat solat juga berupaya membimbing akhlak dan gerak geri hidup kepada jalan yang sejahtera, terpelihara dari segala anasir yang menyebabkan kerosakan serta terhindar dari sebarang perbuatan dan tindakan di luar batas-batas kesopanan. Dengan ini kehidupan rumahtangga yang dibina akan sentiasa beroleh bahagia dan damai.

Kajian oleh Shafora bt Juaini(2005) mendapati, responden yang tekun melaksanakan ibadat solat dan menghayatinya akan menunjukkan akhlak dan budi pekerti yang baik dan mulia terhadap ibu bapa, guru dan rakan-rakan. Ini bermakna dengan melaksanakan dan menghayati ibadat solat dengan sempurna, dapat membentuk tingkah laku yang positif dan melahirkan akhlak dan sahsiah yang terpuji.

Jika dilihat kepada dapatan analisis kajian ini juga mendapati wujud perbezaan yang signifikan perlaksanaan solat berdasarkan taraf pendidikan. Dengan kata lain semakin tinggi taraf pendidikan responden akan semakin tinggi juga tahap pelaksanaan solat mereka.

#### **5.3.4. Perbezaan Tahap Pelaksanaan Ibadat Solat Fardu Responden Berdasarkan Jantina, Sosio Ekonomi Dan Pendidikan.**

Ujian t digunakan untuk melihat sama ada terdapat perbezaan yang signifikan pelaksanaan solat dikalangan responden yang berlainan jantina. Dapatkan ujian t ialah  $t(98) = -.48$ ,  $p= 0.6$  ( $p.05$ ). Ini bermakna tidak terdapat perbezaan pelaksanaan solat yang signifikan berdasarkan jantina iaitu skor min pelaksanaan solat antara responden lelaki dan

wanita adalah sama. Oleh itu perlaksanaan solat antara responden lelaki dan wanita adalah tidak berbeza kerana nisbah skor min antara kedua jantina ini adalah sangat kecil iaitu =0.1.

Ujian Anova sehala digunakan juga untuk melihat sama ada terdapat perbezaan yang signifikan antara pelaksanaan solat berdasarkan pendapatan bulanan. Dapatkan analisis menunjukkan nilai  $F(4,95) = 17.497$ , dan  $p= 0.135$  ( $p> \alpha = 0.05$ ). Keputusan analisis ini menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan pelaksanaan solat berdasarkan pendapatan bulanan. Ini bermakna pendapatan bulanan sama ada tinggi atau rendah tidak mempengaruhi pelaksanaan solat responden.

Ini bermakna pelaksanaan solat fardu tidak bergantung ke atas jantina atau faktor ekonomi responden kerana kewajipan di kalangan umat Islam adalah sama iaitu untuk beribadah kepada Allah s.w.t.

Ujian Anova sehala digunakan untuk melihat sama ada terdapat perbezaan yang signifikan antara pelaksanaan solat berdasarkan taraf pendidikan. Dapatkan analisis menunjukkan nilai  $F94,95 = 29.85$ , dan  $p= 0.006$  ( $p> \alpha = 0.05$ ). Keputusan analisis ini menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan pelaksanaan solat berdasarkan taraf pendidikan. Dengan kata lain semakin tinggi taraf pendidikan responden akan semakin tinggi juga tahap pelaksanaan solat mereka. Ini menunjukkan bahawa kepentingan ilmu dan pengetahuan bagi seseorang muslim akan mempengaruhi pelaksanaan ibadat solat mereka. Oleh itu hipotesis nul adalah ditolak.

### **5.3.5. Hubungan Di Antara Tahap Pelaksanaan Ibadah Solat Fardu Dengan Konflik Rumahtangga.**

Keputusan pekali kolerasi Spearman menunjukkan bahawa  $r=-.062$  dan  $p=.539$ . Ini bermakna tidak terdapat hubungan yang signifikan antara tahap pelaksanaan solat dan konflik rumah tangga. Namun begitu, jika dilihat pada nilai  $r= -.62$ , ia merupakan satu nilai

negatif. Ini boleh difahami dan membawa maksud bahawa, lemahnya tahap pelaksanaan solat itu boleh membuka ruang kepada lebih tingginya konflik rumahtangga walaupun ianya satu nilai yang sedikit. Jika dilihat kepada nilai  $p > .05 = .539$  telah membuktikan bahawa tidak ada hubungan yang signifikan antara tahap pelaksanaan solat dan konflik rumahtangga responden. Namun nilai negatif yang telah dinyatakan tadi boleh memberikan maksud wujudnya kaitan walaupun sedikit hubungan antara perlaksanaan solat dan konflik rumahtangga. Faktor ini mungkin disebabkan jumlah responden yang tidak begitu ramai iaitu 100 orang sahaja. Di samping jawapan responden yang tidak konsisten serta persoalan berkaitan perlaksanaan solat ini merupakan persoalan yang agak peribadi dan sensitif, menyebabkan sukar mendapat jawapan yang tepat daripada responden.

#### **5.4. IMPLIKASI KAJIAN DAN SARANAN**

Berdasarkan maklumat dan hasilan analisis yang diperolehi, di dapati ia amat bermakna untuk meningkatkan tahap kualiti ibadat solat masyarakat awam yang bermula dari peringkat awal persekolahan lagi seterusnya mempergiatkan usaha dakwah secara berterusan kepada masyarakat.

Ibadat solat ternyata suatu perkara yang tidak boleh dipandang remeh oleh umat Islam seluruhnya. Usaha yang padu dan bersungguh-sungguh perlu dilakukan untuk mendidik bermula daripada kanak-kanak tentang kepentingan solat dan memberikan panduan yang betul untuk melaksanakannya.

Hakikatnya, solat itu dapat membentuk individu yang mempunyai daya ketahanan fizikal, mental dan rohani yang kental sehingga mampu untuk melaksanakan amar makruf dan berani mencegah kemungkaran.

Implikasi kajian ini dapat dirumuskan seperti berikut:

#### **5.4.1. Ibu bapa**

- Peranan ibu bapa sangat penting dalam pendidikan anak-anak, khususnya mengajar mereka tentang asas-asas dalam mengerjakan solat dan hukum-hakam yang berkaitan solat. Sekiranya mereka tidak mampu berbuat demikian, mereka hendaklah meminta pertolongan orang lain untuk mengajar anak-anak mereka tentang hukum solat. Ini bertepatan dengan saranan Rasulullah s.a.w. yang memerintahkan agar setiap ibu bapa mengajar an menyuruh anak-anak mereka mendirikan solat setelah anak-anak mencapai usia tujuh tahun.
- Ibu bapa juga hendaklah mengambil tindakan yang tegas terhadap anak-anak mereka yang enggan mengerjakan solat. Sikap ibu bapa yang yang tidak menitik beratkan perintah dan hukuman ke atas anak-anak yang tidak mendirikan solat telah dikenal pasti sebagai punca utama kebanyakan anak-anak remaja meninggalkan solat fardu. Justeru ibu bapa perlulah mengambil inisiatif serta tindakan yang sesuai agar anak-anak mereka mulai usia tujuh tahun dapat mendirikan solat secara berterusan.

#### **5.4.2. Sekolah**

- Para guru agama khususnya juga memainkan peranan penting dalam meningkatkan disiplin serta kesedaran berkaitan kewajipan mendirikan solat fardu di kalangan pelajar. Guru-guru hendaklah menganjurkan program dan aktiviti yang tertentu, agar para pelajar berkeinginan untuk mendirikan solat secara konsisten.
- Di samping itu, buletin atau risalah dakwah boleh diterbitkan sebagai bahan bacaan kepada pelajar bagi menambah kefahaman mereka berkaitan hukum

hakam solat dan asas fardu ain yang lain. Tindakan disiplin terhadap pelajar yang tidak mengerjakan solat zohor berjemaah juga patut dikenakan sebagai salah satu langkah pihak sekolah mengatasi masalah ponteng solat di kalangan para pelajar.

#### **5.4.3. Masyarakat**

- Pemimpin masyarakat seperti wakil rakyat, penggawa, dan penghulu kampung hendaklah turut serta menganjurkan program-program penghayatan solat kepada masyarakat setempat khususnya bagi menarik minat golongan dewasa, belia dan remaja supaya mendekatkan diri dengan masjid.
- Ahli jawatan kuasa masjid di setiap kawasan hendaklah merancang dan mengadakan program-program tertentu bagi menarik minat penduduk setempat menunaikan solat berjemaah di masjid atau surau-surau yang berdekatan. Di antara kegiatan yang boleh dianjurkan oleh jawatankuasa ialah majlis forum, ceramah, dan kuliah agama yang membincangkan secara khusus tentang permasalahan ibadat solat dari sudut amali dan praktik. Selain itu para imam sendiri hendaklah mengambil kesempatan melalui mimbar khutbah pada setiap hari Jumaat untuk menyeru orang ramai tentang kepentingan mendirikan solat serta keburukan meninggalkan solat fardu.

#### **5.4.4. Kerajaan**

- Menganjurkan kempen-kempen mendirikan solat seperti melancarkan kempen bulan sembahyang sama ada di peringkat kebangsaan atau negeri. Selain itu, kerajaan juga hendaklah menggunakan saluran media massa atau media elektronik untuk menyampaikan seruan dakwah kepada orang ramai supaya mereka memelihara dan mendirikan solat fardu.

- Agensi-agensi kerajaan yang terlibat dengan kegiatan dan hal ehwal agama Islam di negara seperti JAKIM, JAWI serta lain-lain agensi yang berkaitan hendaklah memperbanyakkan aktiviti dakwah kepada orang ramai dan di antara modul dakwah itu adalah aktiviti yang terlibat dengan program penghayatan solat.
- Menggubal suatu peruntukan undang-undang yang membolehkan golongan yang tidak mengerjakan solat dikenakan hukuman yang setimpal

## **5.5. RUMUSAN DAN PENUTUP**

Kesimpulan yang dapat dilakarkan daripada dapatan kajian ini adalah tahap pendidikan adalah memberi kesan kepada pelaksanaan solat responden. Nilai negatif pada analisis kajian berkaitan hubungan pelaksanaan solat dan konflik rumah tangga itu perlu diberikan perhatian kerana wujud perkaitan antaranya walau dengan nilai yang kecil.

Hakikat solat yang perlu difahami ialah bukan sekadar melaksanakannya sahaja sebagai rutin tetapi sebagai amanah dan tanggungjawab sebagai seorang muslim. Di dalam al Quran, terdapat perbezaan antara perkataan mendirikan (*iqāmah*) solat dan perkataan orang yang solat. *Iqāmah* atau mendirikan dari sudut bahasa bermaksud menyempurnakan dan meneliti. Maka orang yang mendirikan solat ialah orang meneliti solatnya. Menurut Syeikh Ibnu ’Atṭā’ Allāh al Sakandari<sup>4</sup> bahawa di dalam al Quran setiap ayat yang menyebut tentang orang yang mengerjakan solat yang dipuji, telah disebutkan bersama lafaz *iqāmah* (mendirikan) atau yang seerti dengannya. Ini dapat dilihat sebagaimana firman Allah s.w.t.:

---

<sup>4</sup> Syeikh Ibnu ‘Atṭā’ Allāh al Sakandari, (t.t) *Anwār al-Sabīl Fi Syarḥ al-Hikam*, terj. Muhammad Fuad b Kamaluddin(2007), *Cahaya Jalan Yang Lurus*, Ampang:Sofa Production, h. 533

الَّذِينَ يُؤْمِنُونَ بِالْغَيْبِ وَيُقْرِبُونَ الصَّلَاةَ وَمَمَّا رَزَقْنَاهُمْ يُنفِقُونَ ﴿٣﴾

Terjemahan:

Iaitu golongan yang beriman kepada perkara ghaib, dan mendirikan (mengerjakan) solat serta menafkahkan (mendermakan) sebahagian daripada rezeki yang Kami berikan kepada mereka.

Surah Al Baqarah (2) :3

رَبِّ أَجْعَلَنِي مُقِيمَ الصَّلَاةِ وَمِنْ ذُرِّيَّتِي رَبِّنَا وَتَقَبَّلْ دُعَاءِ ﴿٤﴾

Terjamahan:

"Wahai Tuhanku! Jadikanlah daku orang yang mendirikan solat dan demikianlah juga zuriat keturunanku. Wahai Tuhan kami, perkenankanlah doa permohonanku.

Surah Ibrahim(14):40

\* لَيْسَ اللَّهُ أَنْ تُولُوا وُجُوهُكُمْ قِبَلَ الْمَشْرِقِ وَالْمَغْرِبِ وَلِكُنَّ اللَّهُ مَنْ ءَامَنَ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ  
آخِرِ وَالْمَلَائِكَةِ وَالْكِتَابِ وَالنَّبِيِّنَ وَءَاتَى الْمَالَ عَلَى حُبِّهِ ذَوِي الْقُرْبَىٰ وَالْيَتَامَىٰ  
وَالْمَسَاكِينَ وَأَبْنَ الْسَّبِيلِ وَالسَّاَلِيْلِينَ وَفِي الرِّقَابِ وَأَقامَ الصَّلَاةَ وَءَاتَى الْزَكَوَةَ  
وَالْمُوفُورَ بِعَهْدِهِمْ إِذَا عَاهَدُوا وَالصَّابِرِينَ فِي الْبَأْسَاءِ وَالضَّرَّاءِ وَحِينَ الْبَأْسِ أُولَئِكَ  
الَّذِينَ صَدَقُوا وَأُولَئِكَ هُمُ الْمُتَّقُونَ ﴿٤٧﴾

Terjemahan:

Kebajikan itu bukan hanya kamu menghadapkan muka ke pihak timur dan barat, tetapi kebajikan itu ialah berimannya seseorang kepada Allah, hari akhirat, dan segala malaikat, dan segala kitab, dan sekalian Nabi; dan mendermakan hartanya yang dicintai kepada: kaum kerabat, anak-anak yatim, orang miskin, orang yang sedang musafir (yang memerlukan pertolongan), kepada orang-orang Yang meminta dan untuk memerdekaan hamba-hamba abdi serta mendirikan solat, mengeluarkan zakat dan orang yang menyempurnakan janjinya apabila mereka berjanji dan ketabahan orang yang sabar dalam keadaan kesempitan (kemiskinan yang melarat) dan dalam peperangan. Mereka (yang bersifat demikian) itulah orang yang benar (dalam keiman dan kebaktian) dan mereka itulah juga orang yang bertaqwah.

Surah al Baqarah(2):177

الَّذِينَ إِذَا ذُكِرَ اللَّهُ وَجْلَتْ قُلُوبُهُمْ وَالصَّابِرِينَ عَلَىٰ مَا أَصَابَهُمْ وَالْمُقِيمِيُّ الصَّلَاةِ وَمَمَّا

رَزَقْنَاهُمْ يُنفِقُونَ

Terjemahan:

Iaitu orang yang apabila disebut nama Allah, gerun gementarlah hati mereka dan orang-orang yang sabar (cekal hati) terhadap kesusahan yang menimpa mereka dan orang yang mendirikan solat, serta orang yang menafkahkan sebahagian dari rezeki yang Kami berikan kepadanya.

Surah al Hajj(22):35

Manakala dinyatakan orang yang melakukan solat dalam keadaan lalai, perkataan yang digunakan ialah dengan kalimah yang bermaksud 'orang yang solat'. Ini sebagaimana contoh firman Allah SWT:

فَوَيْلٌ لِلْمُصَلِّيْنَ الَّذِينَ هُمْ عَنْ صَلَاتِهِمْ سَاهُونَ

Terjemahan:

(Kalau orang yang demikian dikira dari bilangan orang yang mendustakan agama), maka kecelakaan besar bagi orang yang solat. (laitu) mereka yang berkeadaan lalai daripada menyempurnakan solatnya.

Surah al Ma'un (107): 4-5

Hakikat solat yang menepati matlamatnya akan dapat melahirkan personaliti yang hebat dan berwibawa. Ini kerana solat merupakan medium utama dalam pembersihan jiwa daripada segala yang merosakkan. Solat yang tidak sempurna akan melahirkan peribadi yang tidak seimbang dalam kehidupan hariannya.

Penulis mencadangkan bagi kajian lanjutan pada masa akan datang, perlu kepada penambahan jumlah responden, memperluaskan skop kajian, penambahbaikan persoalan di dalam soal selidik serta kajian ini memerlukan tempoh kajian yang agak panjang untuk mendapatkan data yang berkualiti daripada responden.